

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN BARU BIAN [ SELANGAU ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN BARU BIAN** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah MARA mempunyai sebarang program untuk membantu pelajar Bumiputera Dayak dari Sarawak. Berapa peratus biasiswa MARA diberikan kepada pelajar Dayak dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

MARA sentiasa komited dalam menyediakan akses kepada pendidikan yang inklusif dan berkualiti untuk pelajar bumiputera termasuk pelajar bumiputera dayak dari Sarawak. Sistem pendidikan MARA menawarkan peluang pendidikan bermula dari peringkat menengah hingga tertiar khususnya untuk kumpulan isi rumah terendah (B40) selaras dengan matlamatnya bagi membangunkan sosioekonomi masyarakat bumiputera.

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA turut menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran kepada para pelajar di semua peringkat pengajian. Bagi tempoh 10 tahun yang lepas, MARA telah memberikan pinjaman pelajaran kepada 4,589 pelajar bumiputera Sarawak iaitu 3.47% daripada keseluruhan penerima pinjaman MARA. Manakala bagi tahun 2021, seramai 61 orang atau 3.66% pelajar bumiputera Sarawak telah menerima kemudahan pinjaman pelajaran MARA. Daripada jumlah tersebut, 10 penerima adalah pelajar bumiputera dayak.